



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Khamis, Julai 23, 2015

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Prof Mohd Sapuan jurutera Malaysia pertama dipilih Felo SAE Amerika Syarikat

Oleh Azman Zakaria



Prof Mohd Sapuan (kanan) menerima anugerah sijil Felo SAE AS dari Encik Khairil Anwar

SERDANG, 7 Julai - Ketua Laboratori Teknologi Biokomposit, Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Professor Ir Dr Mohd Sapuan Salit mencipta sejarah menjadi jurutera pertama dari negara ini dipilih sebagai Felo Persatuan Jurutera Automotif (SAE) Antarabangsa, Amerika Syarikat, baru-baru ini.

Anugerah berprestij itu adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada beliau yang memberi sumbangan dengan impak yang signifikan terhadap teknologi mobiliti masyarakat melalui kepemimpinan, penyelidikan dan inovasi.

Hanya 20 orang diberi penganugerahan setiap tahun sejak Felo SAE diwujudkan pada 1975 dan pemilihan untuk penerima Felo dilakukan di kalangan profesional yang cemerlang di seluruh dunia.

Prof Dr Mohd Sapuan yang juga profesor bidang bahan komposit Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan menerima sijil, plak dan pin Felo daripada Pengerusi SAE Malaysia, Encik Khairil Anwar Abu Kassim pada Mesyuarat Agung Tahunan SAE Malaysia ke-13 di Marina Putrajaya, 26 Jun lalu, selepas beliau tidak dapat menghadiri majlis penganugerahan asal yang diadakan di Detroit, Amerika Syarikat.



Sijil FSAE

SAE International adalah persatuan sejagat dianggotai lebih 138,000 jurutera dan pakar teknikal berkaitan industri aeroangkasa, automotif dan kenderaan perdagangan.

Sejak penubuhannya pada 1905, SAE telah menganjur dan melaksanakan program yang memberi pengiktirafan kepada pencapaian luar biasa dalam reka bentuk, kejuruteraan dan penghasilan pelbagai bentuk kenderaan serta komponen, sistem dan bahan yang digunakan untuk kenderaan.

Prof Dr Mohd Sapuan menyifatkan pemilihannya sebagai Felo SAE Antarabangsa itu sebagai pengiktirafan besar bukan sahaja kepada dirinya tetapi juga UPM khususnya.

"Saya bersyukur menerima anugerah yang berprestij ini, tambahan pula ia begitu kompetitif," katanya.

Menurutnya, mereka yang dipilih sebagai Felo SAE lazimnya adalah pegawai dari syarikat-syarikat automotif yang besar dan pensyarah dari Amerika Syarikat, Jepun serta negara-negara maju, dan jarang di kalangan negara membangun.

"Saya harap ini boleh menjadi pendorong kepada rakyat negara ini untuk sentiasa bersungguh-sungguh dalam setiap bidang yang diceburi untuk mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa," katanya .

Sebelum ini Prof Mohd Sapuan pernah memenangi pelbagai anugerah termasuk SEARCA Regional Professorial Chair; ISESCO Science Award; Khwarizmi International Award; Kuala Lumpur Rotary Research Award; Alumni Award, University of Newcastle, Australia; Anugerah Fellowship Naib Canselor, UPM; Anugerah Karyawan Putra Cemerlang, UPM; Anugerah Penyelidik Cemerlang UPM; Anugerah Fellowship, Plastics and Rubber Institute, Malaysia; dan Anugerah Penerbitan FRIM di samping diiktiraf sebagai *Five Star Role Model Supervisor* oleh UPM dan *Outstanding Reviewer* oleh Elsevier, Belanda. – UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 15 Jul 2015

